

Syariah Islam Dalam Penyelesaian Pertelingkahan Antarabangsa

Mohd Nasran bin Mohamad
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pendahuluan

Satu cabang penting dalam kerangka syariah ialah *Siyar* - yang juga dikenali sebagai undang-undang antarabangsa Islam. *Siyar* mencerminkan satu pendekatan khusus iaitu syariah dalam mencari kesatuan awam sejagat. *Siyar* boleh didefinisikan secara longgar sebagai sekumpulan undang-undang dan amalan yang dibenarkan syariah dalam konteks hubungan antarabangsa³. Dari segi teori dan prinsipnya *siyar* berkembang dan direncanakan untuk bersifat fleksibel, akomodatif kepada peralihan, dan bertolak ansur terhadap kepelbagaian atau pluralisme. *Siyar* diasaskan kepada prinsip-prinsip undang-undang dan moral yang stabil tetapi pada masa yang sama perlu disesuaikan dengan masa, tempat dan keadaan. Semenjak dahulu lagi peranan fuqaha atau juris adalah penting dalam usaha mengenal pasti dan mengemaskinikan prinsip-prinsip penting *siyar* sesuai dengan keadaan dan kehendak zaman.

Jika seseorang menyelidiki asal usul undang-undang antarabangsa moden, ia akan berjaya mengesan dalam beberapa prinsip asasnya, seperti yang diformulasikan dalam penulisan-penulisan tradisional, idea-idea dari penulisan juris dan fuqaha Islam. Apa yang perlu hanyalah sedikit keberanian dan kejujuran akademik bagi mengakui perkara ini. Pengkajian dan penelitian mendedahkan bahawa, lapan abad sebelum Grotius ("bapa undang-undang antarabangsa moden"), sarjana-sarjana Islam telah pun menghasilkan penulisan-penulisan yang pada hari ini kita kenali sebagai undang-undang antarabangsa. Penulisan-penulisan ini yang dikenali sebagai *siyar* menyentuh persoalan-persoalan mengenai penghormatan ke atas perjanjian atau triti, layanan ke atas diplomat asing, dan layanan terhadap tawanan perang.

Sarjana hukum Islam di zaman awal telah membahaskan dengan terperinci mengenai prinsip undang-undang antarabangsa dan isu-isu penting yang berkaitan. Bahkan telah dibuktikan bahawa sarjana undang-undang antarabangsa Barat moden telah mendapat banyak manfaat daripada perbincangan sarjana-sarjana Islam tersebut, dan ia telah banyak membantu mereka untuk memikirkan satu corak global tentang apa yang kita fahami pada hari ini sebagai undang-undang antarabangsa moden⁴. Hakim Weeramantry berkata seperti berikut:

³ Mohammad Tallat Al Ghunaimi. 1968. *The Muslim Conception of International Law and the Western Approach*. The Hague: Martinus Nijhoff. hlm. 96.

⁴ Masyarakat Kristian awal di Eropah melihat Islam dengan perasaan takut dan penuh kesangsian. Mereka tidak dapat menerima kenabian Nabi Muhammad (saw) sebagai Rasul yang sah dan ketulian wahyu yang diwahyukan kepada Baginda (saw). Lihat, Albert Hourani, *Islam in European thought*, Cambridge: Cambridge University Press 1991, hlm. 7-10; Menurut Baher A. Ghoshesh, benih persaingan dan permusuhan di antara kedua agama ini terserlah dari fakta bahawa kedua agama ini bersifat sejagat dan secara aktif berusaha meluaskan ajaran masing-masing ke seluruh dunia. Lihat, Baher A. Ghoshesh, *Making sense of Middle East geopolitics*, 1992, 42 (4) Focus, hlm. 21; dan, bukti jelas mengenai hlm ini ialah serangan tentera salib yang dianggap sebagai perang suci dalam menawan semula

"Shaybani Muhammad ibn al-Hasan. For example was one of the authors who wrote a comprehensive treatise on these topics. And this writing was not unknown to Christian Europe. King Alfonso VIII of Castile (1155-1214) wrote his famous *Siete Partidas*--the encyclopedia of law for his time with a section on international law taken largely from the Arabic writers. Later writers like Francisco Suarez (1548-1617) made frequent reference to Alfonso, as did Francisco de Vitoria (1486-1541) and Balthazar Ayala (1548-1584). There is thus, a stream of connection between the Islamic writers who formulated these concTs, the later Spanish writers, an, thereafter, some of the later European writers".⁵

Pada hari ini, kerana kurangnya penyelidikan yang dilakukan dan berlakunya persaingan dan persengketaan antara penganut Kristian dan Islam, *Siyar* bukan sahaja diabaikan tetapi juga telah disalah faham dan disalahertikan oleh banyak sarjana Barat. Ini adalah disebabkan konsep yang sedia terpahat dalam falsafah Barat, iaitu bagi mana-mana negara Islam moden atau negara yang mendaulatkan doktrin perundangan Islam, asas bagi perhubungan dengan negara bukan Islam adalah konsep jihad yang sempit. Dari pengalaman tentera salib, Barat mempunyai ingatan dan pengalaman pahit mengenai 'jihad Islam' yang menjadikan mereka prejudis terhadap Islam, justeru menggambarkan bahawa Islam tersebar melalui pedang⁶. Dalam hubungan antarabangsa hari ini, Islam digembar-gemburkan sebagai sumber utama kepada fundamentalisme dan terrorisme.

Pandangan Barat sebegini secara sengaja atau tidak sengaja diasaskan kepada beberapa episod hubungan antarabangsa Islam yang difahami secara berasingan dari keseluruhan kerangka dan prinsip-prinsip badan *siyar*. Justeru, ini perlu disanggah dan ia tidak boleh dikatakan sebagai mewakili keseluruhan konsepsi asas *siyar*. Malangnya, ada penulis Islam sendiri yang terikut-ikut atau terpengaruh untuk mengambil pendekatan sebegini. Sebaliknya, seseorang itu harus melihat sesuatu isu dalam konteks sejarahnya dan menanda aras hal itu berdasarkan proses pembentukan *siyar* secara menyeluruh atau alternatifnya, bandingkannya dengan proses evolusi sistem undang-undang lain, termasuk undang-undang antarabangsa Barat. Selepas mengambil pendekatan ini, sebilangan sarjana Barat pada hari ini menerima *siyar* dan beberapa sub-disiplinnya, misalnya persoalan hubungan diplomatik, hak asasi manusia dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa pada sudut yang positif.

Matlamat *syariah* dalam aspek keduniaan adalah untuk mewujudkan satu masyarakat yang diasaskan kepada perasaan keimanan atau *tauhid* yang mendalam, yang mendaulatkan prinsip-prinsip tanggungjawab moral dan keadilan dalam usaha mengekalkan kepentingan terbaik masyarakat. Oleh kerana *syariah* sentiasa berkembang, bersifat hidup dan mencakupi kesemua aspek aturan sosial, segenap sektor aspek hubungan antarabangsa adalah juga bahagian penting yang diaturnya. Sejak zaman permulaan Islam iagi, satu aspek undang-undang yang bersifat

Juraselam daripada orang Islam. Sungguh pun begitu, sebab awal kepada serangan tentera Salib ini adalah aktiviti *reconquista* di Sepanyol yang telah berlaku selama beberapa abad.

⁵ Ibid

⁶ David A. Westbrook, 1993, *Islamic International Law and Public International Law: Separate EXpressions of World Order*, 33 Va. 1. Int'l L, him. 821

antarabangsa yang diklasifikasikan sebagai *siyar* telah dibangunkan bersekali dengan badan hukum-hukum *syariah* yang lain. Ia mengikat kesemua penganutnya dan juga sesiapa sahaja yang memilih secara sukarela untuk memelihara kepentingan mereka di bawah sistem keadilan Islam. Amalan *syariah* sebegini dalam konteks hubungan antara tamadun dikenalpasti wujud sejak awal zaman kenabian Nabi Muhammad *s.a.w* dan dikenali dengan ungkapan *siyar*, dan didokumentasi dan dihimpunkan oleh sarjana-sarjana Islam silam dalam kitab-kitab *sirah*, *maghazi* dan sebahagian kitab *tarikh* (sejarah). Secara tradisi terma-terma *siyar* dan *maghazi* digunakan secara sinonim untuk merujuk kepada pengumpulan laporan-laporan mengenai kehidupan Nabi Muhammad (SAW). Oleh kerana mempercayai kerasulan Nabi Muhammad (SAW) adalah satu cabang utama iman dan agama Islam, maka pengungkapan mengenai sifat-sifat, tingkahlaku dan kehidupan baginda dalam aspek hubungan antarabangsa (dengan bukan Islam) juga telah menjadi sumber-sumber kepada *syariah*, justeru memberi makna kepada konsep undang-undang antarabangsa Islam.

Selepas zaman Rasulullah (SAW), *siyar* diperluaskan untuk juga mengambil kira tingkahlaku pemimpin-pemimpin Islam dalam umman antarabangsa mereka. Memandangkan misi kerasulan Baginda Muhammad (SAW) yang luas, kewujudan laporan-laporan yang banyak mengenai tingkahlaku Baginda dalam konteks hubungan antarabangsa dan juga amalan pemimpin-pemimpin selepas Baginda mengenai hal tersebut, penulis berpendapat bahawa idea *siyar* yang tradisional kini perlu difahami secara lebih luas. Ia perlu sekurang-kurangnya menjadi asas kepada *siyar* yang diolah semua dan dipermodenkan. Daripada bahan-bahan *siyar* yang tradisi, dapat dilihat dan difahami bagaimana Nabi Muhammad (SAW) menyesuaikan keadaan awal umat Islam dengan situasi misinya yang berbeza-beza dan bertahap, dalam tiga fasa utama: iaitu, *pertama* dari era pembentukan dan perlu kepada perlindungan dan jaminan keselamatan⁷, kepada *kedua*, hubungan yang berlandaskan kerjasama, saling memerlukan dan hormat-menghormati⁸, dan akhirnya *ketiga*, usaha menegakkan keadilan dan mendaulatkan keagungan Ilahi. Keselamatan, keamanan dan kewujudan bersama secara terhonnat adalah di antara prinsip-prinsip penting yang diterapkan oleh Nabi Muhammad *s.a.w* dalam aspek hubungan antarabangsa⁹. Kewujudan bersama secara aman yang direalisasikan adalah berasaskan prinsip kesaksamaan dan keadilan supaya apa-apa usaha untuk mencapai keamanan dan keselamatan boleh mengembalikan kehormatan dan kemuliaan diri dalam segenap insan. Dalam aspek hubungan ekonomi dan pembangunan, di samping mewujudkan satu pakatan kuat di kalangan penganut Islam bagi memelihara kepentingan bersama mereka, Nabi Muhammad (SAW) juga menegaskan komitmen umat Islam untuk bekerjasama di arena global¹⁰, sebagai sebahagian daripada kesedaran betapa perlunya dipertahankan persaudaraan sejagat dan perpaduan (solidariti) manusia. Dengan ini, negara-negara perlu bekerjasama ke arah mencapai matlamat pembangunan menyeluruh supaya semua kumpulan warganegara boleh berkongsi segala faedah yang terhasil dari kemakmuran dunia.

⁷ Lihat, Ibn Hisham, *op. cit.*, hlm. 63 dan 97; "dan sesetengah sahabat telah diberi jaminan keselamatan oleh puak-puak yang bersimpati. Lihat, Bukhari, *Sahih*, Jil. 3, Kitab 37, hadith 494.

⁸ Ibn Hisham, *op. cit.*, hlm. 106-9; dan, Shibli Nu'mani, *op. cit.*, II. I, him. 264.

⁹ Wakil-wakil kerajaan telah dihantar untuk menemui emperor Byzantine, Qaisar dan Iran, pemerintah Mesir, Najashi dan Abyssinia, Raja Ghassan dan ketua di Yamama untuk mengajak mereka untuk memeluk Islam. Lihat, Ibn Hisham, *op. cit.*, him. 260-1

¹⁰ Di Madinah Nabi (SAW) bekerjasama dengan puak Yahudi, Arabs jahiliah dan juga puak Kristian

Islam menyediakan bagi penganutnya satu sistem aturan awam yang meliputi kedua-dua aspek domestik, mahupun yang berkaitan dengan usaha mewujudkan aturan dalam hubungan luar. Objektif utama agama Islam adalah untuk mewujudkan keadilan dalam ummah itu sendiri dan oleh kerana ia juga adalah agama sejagat, ia semestinya menyumbang ke arah mewujudkan sebuah masyarakat sejagat yang terurus dan teratur. Sama seperti undang-undang antarabangsa moden, *siyar* secara umumnya di asaskan atas duluan (autoriti), adat, kuasa akal dan perjanjian (triti)¹¹ yang diterima oleh *syariah*¹².

Tidak ada apa yang lebih jelas daripada apa yang diwahyukan Allah di dalam al-Qur'an, yang mana ia menyeru umat Islam untuk memasuki perjanjian dengan mana-mana pihak yang cintakan keamanan¹³. Al-Qur'an juga mengarahkan umat Islam apabila memasuki apa-apa perjanjian supaya menghormati terma-terma yang dipersetujui dan melarang apa-apa pelanggaran yang tidak dapat dijustifikasikan. Baginda Muhammad (SAW) sendiri melaksanakan prinsip ini apabila baginda memasuki pelbagai perjanjian semasa hayat baginda. Antara yang termasyhur adalah perjanjian Hudaibiyah.

Penyelesaian Persengketaan Antarabangsa

Ada berbagai-bagai sebab yang menyebabkan berlakunya pertelingkahan antara negara, dan ada kalanya pertelingkahan antara individu boleh menimbulkan pertelingkahan demikian. Pada zaman-zaman lampau, pertelingkahan seperti itu kerap diselesaikan melalui peperangan, tetapi sekarang cara ini sudah kurang diikuti, kecuali apabila langkah-langkah penyelesaian secara

¹¹ Prinsip *Siyar* mengiktiraf sifat keterikatan semua perjanjian selari dengan maxim *pacta sunt servanda* (setiap perjanjian harus ditepati).

¹² Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu pergi (berperang) pada jalan Allah (untuk membela Islam), maka hendaklah kamu menyelidik (apa jua perkara dengan sebaik-baiknya), dan janganlah kamu (terburu-buru) mengatakan kepada orang yang menunjukkan kepada kamu sikap damai (dengan memberi salam atau mengucap dua Kalimah Syahadat): "Engkau bukan orang yang beriman" (lalu kamu membunuhnya) dengan tujuan hendak (mendapat harta bendanya yang merupakan) harta benda kehidupan dunia (yang tidak kekal) al-Nisa', 4 : 94; Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah, dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Islam yang berhijrah itu), mereka semuanya menjadi penyokong dan pembela antara satu dengan yang lain. Dan orang-orang yang beriman yang belum berhijrah, maka kamu tidak bertanggungjawab sedikitpun untuk membela mereka sehingga mereka berhijrah. Dan jika mereka meminta pertolongan kepada kamu dalam perkara (menentang musuh untuk membela) agama, maka wajiblah kamu menolongnya, kecuali terhadap kaum yang ada perjanjian setia di antara kamu dengan mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Melihat akan apa yang kamu lakukan. al-Anfal 8 : 72. Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. al-Mumtahanah 60 : 8.

¹³ Kecuali mereka yang kamu mengikat perjanjian setia (dengannya) dari orang-orang musyrik, kemudian mereka tidak mencabuli perjanjian kamu itu sedikitpun, dan mereka tidak menolong seorompokpun yang memusuhi kamu, maka sempurnakanlah kepada mereka perjanjian mereka sehingga (habis) tempohnya. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaqwa. al-Taubah 9 : 4.

Bagaimanakah dapat diakui adanya perjanjian (keamanan) di sisi Allah dan RasulNya bagi orang-orang musyrik (sedang mereka mencabulinya)? Kecuali orang-orang (musyrik) yang kamu telah mengikat perjanjian setia dengan mereka dekat Masjid Al-Haraam. Maka selagi mereka berlaku lurus terhadap kamu, hendaklah kamu berlaku lurus pula terhadap mereka; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaqwa. al-Taubah 9 : 7; Dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya. al-Isra' 17: 34.

Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. al-Maidah 5 : 1.

damai tidak berjaya. Penyelesaian secara damai adalah lebih wajar dan lebih adil dan sudah tentu ianya lebih berfaedah kepada negara-negara yang bertelingkah dan juga masyarakat antarabangsa jika dibandingkan dengan langkah penyelesaian secara peperangan.

Banyak usaha telah dibuat supaya setiap pertelingkahan akan diselesaikan secara damai. Antara usaha-usaha yang penting ialah mengadakan konvensyen-konvensyen termasuk *Pacific Settlement of International Disputes Hague* 1 (1899) dan (1907). Penubuhan Liga Bangsa-Bangsa Bersatu 1920 (League of Nations) yang telah digantikan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1945 (United Nations) juga mempunyai maksud yang sama.

Secara umumnyanya ada dua cara yang diikuti untuk menyelesaikan sesuatu pertelingkahan :

A. Penyelesaian secara persahabatan

Artikel 33 Piagam PBB memeruntukkan :

1. *The parties to any dispute, the continuance of which is likely to endanger the maintenance of international peace and security, shall, first of all, seek a solution by negotiation, enquiry, mediation, conciliation, arbitration, judicial settlement, resort to regional agencies or arrangements, or other peaceful means of their own choice.*
2. *The Security Council shall, when it deems necessary, call upon the parties to settle their dispute by such means.*

Usaha-usaha ini sudah lama diasaskan oleh Islam, malah memberi galakan pula supaya dibuat demikian. Dalam Surah al-Baqarah ayat 208, Allah berfirman :

“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam perdamaian (*al-silm*) keseluruhannya, dan janganlah kamu ikut langkah-langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu”.

Demikian juga Allah berfirman di dalam Surah al-Anfal ayat 61 :

“Dan jika mereka condong kepada perdamaian, hendaklah kamu (juga) condong kepadanya, dan bertakwalah kepada Allah”.

1. Perundingan, jasa baik, perantaraan, konsiliasi atau penyelidikan

a. Perundingan (*negotiation*)

Keutamaan seharusnya diberikan kepada cara rundingan sebelum daripada penggunaan cara-cara lain untuk menyelesaikan pertelingkahan antara negara. Majoriti perjanjian-perjanjian berkenaan dengan penyelesaian secara damai adalah menganggap cara ini sebagai langkah pertama untuk

menyelesaikan pertelingkahan antarabangsa¹⁴. Menurut cara ini pihak-pihak yang bertelingkah akan mengadakan rundingan untuk menyelesaikan pertelingkahan mereka. Jika rundingan itu berjaya maka selalunya akan diadakan perjanjian yang mengatur butir-butir penyelesaian perkara tersebut. Dalam rundingan ini tolak ansur adalah menjadi soal yang terpenting untuk mencapai kejayaan. Penyelesaian secara ini sangat baik digunakan pada pertelingkahan-pertelingkahan yang rumit dan cara ini sebenarnya paling banyak digunakan setiap hari secara senyap tanpa pengetahuan umum.

b. Jasa baik dan perantaraan (*good offices and mediation*)

Maksud penyelesaian cara ini ialah pertelingkahan antara negara cuba diselesaikan oleh pihak ketiga, sebab kedua-dua pihak tidak dapat bertolak-ansur untuk berunding ataupun telah diadakan rundingan tetapi tidak berjaya. Pihak ketiga cuba memainkan peranan supaya kedua-dua pihak dapat menyelesaikan pertelingkahan mereka secara damai. Peranan seperti ini selalunya lebih berkesan jika dilakukan oleh negara-negara besar (*big power*) kerana pengaruh mereka adalah besar di negara-negara kecil. Kadang-kadang peranan negara jiran juga berkesan.

Terdapat sedikit perbezaan di antara jasa baik dan perantaraan. Di dalam jasa baik, secara umumnya peranan pihak ketiga hanyalah berusaha membawa kedua-dua pihak berunding serta membuat cadangan penyelesaian secara umum sahaja dan apabila kedua-dua pihak sudah berjaya dibawa demikian maka selesaikan tugasnya. Sebaliknya dalam perantaraan, pihak ketiga bukan sahaja menemukan kedua-dua pihak tetapi juga ikut serta di dalam perundingan-perundingan dan memimpin pihak-pihak yang bertelingkah supaya mencapai penyelesaian. Pihak ketiga ini mungkin akan membuat cadangan-cadangan dan saranan-saranan tertentu untuk memimpin kedua-dua pihak¹⁵.

c. Konsiliasi atau penyelidikan (*conciliation or inquiry*)

Konsiliasi bermaksud mengajukan pertelingkahan kepada sesebuah suruhanjaya atau komiti yang berfungsi membuat laporan yang mengandungi cadangan-cadangan untuk diajukan kepada pihak-pihak yang bertelingkah untuk menyelesaikan pertelingkahan mereka. Tetapi cadangan-cadangan yang dibuat itu tidaklah mempunyai kuasa mengikat dan inilah yang membezakannya dengan penimbangtaraan.

Penyelidikan pula bererti berusaha mencari fakta-fakta yang dipertelingkahkan. Lazimnya dibentuk sebuah suruhanjaya bertujuan menyelidik latar belakang sejarah dan ilmu alam perkara-perkara yang dipertelingkahkan¹⁶. Penyelidikan tersebut apabila siap akan menjelaskan kedudukan persoalan yang dipertelingkahkan dan ini akan menolong menjayakan perundingan yang diadakan.

2. Penimbangtaraan (*Arbitration*)

¹⁴ Oppenheim, *International Law A Treatise*, Ed. By Lautherpacht, Vol. II, (Seventh Edition) Longmans, London, 1952, hal. 274

¹⁵ Starke, J.G. *An Introduction to International Law*, Butterworth & Co Publishers Ltd; 9th Revised edition edition 1989. hal. 252

¹⁶ Starke, J.G., 254

Penyelesaian cara ini dan juga cara kehakiman adalah lebih penting pada pandangan undang-undang antarabangsa. Maksud penyelesaian secara penimbangtaraan ialah menyerahkan pertelingkahan antarabangsa kepada penimbangtara-penimbangtara (*arbitrators*) yang dipilih secara bebas oleh pihak-pihak yang bertelingkah. Adanya hak memilih penimbangtara-penimbangtara ini menjadi faktor yang membezakan antara penimbangtaraan dengan penyelesaian kehakiman.

Sejarah penimbangtaraan ini sudah lama dikenal. Dalam masyarakat Arab Jahili penyelesaian secara ini juga diamalkan. Pertelingkahan antara individu di dalam qabilah akan dirujuk kepada ketua qabilah manakala pertelingkahan antara qabilah akan dirujuk kepada ketua qabilah lain atau dilantik sebuah badan pendamai yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang bertelingkah¹⁷. Dalam hubungan ini Rasulullah (SAW) sendiri pernah dilantik menjadi pendamai (penimbangtara) untuk menyelesaikan pertelingkahan yang hampir mencetuskan peperangan antara qabilah-qabilah kerana merebutkan hak meletakkan Hajar al-Aswad ketika membaharui pembinaan Kaabah.

Penyelesaian secara ini juga diakui dan diamalkan di dalam Islam. Di masa Rasulullah s.a.w ketika hendak menghukumkan Yahudi Banu Quraizah, Sa'ad bin Mu'az telah dilantik menjadi penimbangtara¹⁸ dan semasa berlaku pertelingkahan di zaman sahabat antara Ali dan Mu'awiyah yang menyebabkan berlaku perang saudara telah juga dirujuk kepada badan penimbangtaraan (*al-Tahkim*). Umru ibn al 'Ass dan Abu Musa al Ash'ariy telah dilantik menjadi penimbangtara-penimbangtaranya.

Sejarah penimbangtaraan moden hanya bermula dengan Perjanjian Jay pada tahun 1794 antara Amerika Syarikat dan Great Britain, yang menetapkan supaya perkara-perkara antara kedua-dua pihak diadili oleh suruhanjaya campuran (*mixed commissions*). Suruhanjaya ini berhasil dan telah mengadakan penimbangtaraan *Alabama Claims Award* antara Amerika Syarikat dan Great Britain¹⁹ pada tahun 1872. Selepas daripada kejayaan penimbangtaraan ini maka banyakkah berlaku penimbangtaraan-penimbangtaraan kemudiannya sehingga penimbangtaraan-penimbangtaraan tersebut telah menjadi sumber undang-undang yang tidak kurang pentingnya kepada undang-undang antarabangsa. Kemajuan lain yang tercapai ialah pembentukan Mahkamah Tetap Penimbangtaraan (*Permanent Court of Arbitration*), yang telah dicadangkan oleh *Convention The Hague 1* (1899) di bawah *Pacific Settlement of International Disputes*. Struktur badan ini telah dicatatkan dalam bab 11 Konvensyen tersebut.

Penyelesaian secara penimbangtaraan ini tidak dipaksakan tetapi sebaliknya persetujuan pihak-pihak yang bertelingkah adalah perlu²⁰. Oleh sebab itu mana-mana pihak tidaklah boleh mengemukakan saman untuk pihak lain hadir menyelesaikan pertelingkahan antara mereka di hadapan mahkamah penimbangtaraan. Tetapi apabila mereka bersetuju membawa pertelingkahan supaya dibicarakan oleh penimbangtaraan maka keputusan penimbangtaraan adalah muktamad dan mengikat pihak-pihak berkenaan²¹ dengan syarat penimbangtara-

¹⁷ Mansur, Ali Ali, *al-Shari'ah al-Islamiyyah wa al-Qanun al-Duwaliy al-'Am*, Dar al-Qalam, Mesir, 1962, hal. 211

¹⁸ Mansur, Ali Ali, hal. 209

¹⁹ Brownlie, *Principles of Public International Law*, Clarendon Press-Oxford, 2012, hal. 684

²⁰ Lihat Artikel 37, *Pacific Settlement of International Disputes Hague 1* (1907)

²¹ Oppenheim, L, Vol. II, hal. 26

penimbangtara (*arbitrators*) adalah mempunyai kebebasan yang penuh dalam menjalankan tugas mereka.

3. Penyelesaian Kehakiman (*Judicial Settlement*)

Cara penyelesaian pertelingkahan melalui proses kehakiman adalah dikenali di kalangan bangsa-bangsa. Islam juga menggunakan cara ini untuk menyelesaikan pertelingkahan yang timbul. Semasa Rasulullah s.a.w, pertelingkahan akan dihakimkan sendiri oleh baginda bagi mereka-mereka yang berhampiran, tetapi bagi mereka-mereka yang tinggal berjauhan seperti Yaman maka Rasulullah menghantar seorang gabenor untuk menjadi ketua pentadbir dan juga bertugas sebagai seorang hakim. Jadi segala pertelingkahan di kalangan orang-orang Islam akan dirujuk kepada Rasulullah atau wakil baginda, dan orang-orang yang bukan Islam juga ada kalanya berbuat demikian. Berhubung dengan kehakiman ini Allah s.a.w berfirman dalam Surah an-Nisa' ayat 65 :

“Maka demi Tuhan, mereka (pada hakikatnya) tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasa di dalam hati mereka sesuatu keberatan terhadap putusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya”.

Penubuhan Mahkamah Tetap Antarabangsa (*Permanent Court of International Justice*) yang kemudiannya digantikan dengan Mahkamah Antarabangsa (*International Court of Justice*), telah mengurangkan peranan yang dimainkan oleh Mahkamah Tetap Penimbangtaraan. Sungguhpun demikian kewujudan Mahkamah Tetap Penimbangtaraan masih berfaedah untuk berfungsi sebagai Mahkamah Equity Antarabangsa (*Court of International Equity*) bagi membolehkan negara-negara merujuk pertelingkahan-pertelingkahan bukan undang-undang dan pertelingkahan-pertelingkahan campuran (pertelingkahan politik yang ada hubungan dengan undang-undang) untuk diselesaikan secara *ex aequo et bono*.

Maksud penyelesaian secara kehakiman ialah penyelesaian pertelingkahan yang diputuskan oleh Mahkamah Antarabangsa dengan menggunakan prinsip undang-undang. Struktur Mahkamah Antarabangsa adalah berlainan dengan Mahkamah Penimbangtaraan. Mahkamah Antarabangsa adalah tetap manakala Mahkamah Penimbangtaraan biasanya dibentuk untuk keadaan sementara.

4. Penyelesaian di bawah pimpinan P.B.B.

Salah satu tujuan utama dari penubuhan P.B.B. ialah cuba menyelesaikan pertelingkahan antara negara secara damai sepertimana yang dinyatakan dalam Artikel 2 (3) Piagam P.B.B. Piagam ini tidak membenarkan mana-mana negeri menggunakan kekerasan sebagai cara menyelesaikan pertelingkahan. Pada pandangan Piagam hanya cara penyelesaian secara damai sahaja yang patut dilakukan. Walau bagaimanapun, tidak ada kewajipan dan acara di dalam undang-undang antarabangsa bagi menyelesaikan pertelingkahan secara rasmi dan menurut acara undang-undang tanpa mendapat persetujuan pihak-pihak dalam pertelingkahan.

Dalam usaha untuk mencapai tujuan di atas, maka Perhimpunan Agong dan Majlis Keselamatan telah diberi tanggungjawab yang penting. Artikel 14 Piagam memberi kuasa kepada Perhimpunan Agong untuk mencadangkan tindakan-tindakan agar dapat menyelesaikan secara damai setiap peristiwa yang mungkin merugikan kesejahteraan umum atau hubungan-hubungan

persahabatan antara negara termasuk peristiwa yang muncul akibat pelanggaran peraturan-peraturan Piagam. Tetapi Majlis Keselamatan diberi kuasa yang lebih besar. Majlis Keselamatan dapat bertindak ke atas dua bentuk pertelingkahan :

1. Pertelingkahan yang membahayakan perdamaian dan keselamatan antarabangsa [lihat Artikel 37 (2)] dan
2. Peristiwa-peristiwa yang mengancam perdamaian, melanggar perdamaian dan tindakan-tindakan agresif (lihat Artikel 39)

Dalam keadaan pertama Majlis Keselamatan boleh meminta pihak-pihak yang bertelingkah menyelesaikan pertelingkahan mereka menurut cara-cara yang ditentukan oleh Artikel 33, iaitu melalui perundingan²², penyelidikan, perantaraan, konsiliasi, penimbangtaraan, penyelesaian kehakiman, menyerah kepada pertubuhan-pertubuhan serantau atau cara-cara lain yang dipilih oleh mereka sendiri. Di samping itu Majlis Keselamatan juga boleh mencadangkan acara-acara yang patut ataupun kaedah-kaedah yang sesuai [Artikel 36 (1)].

Untuk keadaan kedua Majlis Keselamatan boleh membuat cadangan atau menentukan cara-cara yang dapat diambil untuk mengekalkan perdamaian dan keselamatan antarabangsa (lihat Artikel 39). Cadangan-cadangan tersebut hendaklah merupakan cadangan-cadangan yang tidak melibatkan penggunaan angkatan bersenjata. Antara cadangan itu ialah meminta anggota-anggota P.B.B. memutuskan semua atau sebahagian hubungan-hubungan ekonomi, jalan keretapi, laut, udara, pos, taligraf, radio dan alat-alat perhubungan yang lain dan juga memutuskan hubungan diplomatik²³. Tetapi jika langkah ini tidak berjaya maka Majlis Keselamatan boleh mengambil tindakan melalui angkatan udara, laut atau pun darat bagi mengekalkan perdamaian dan keselamatan antarabangsa. Tindakan-tindakan tersebut termasuklah demonstrasi, blockade dan operasi-operasi lain melalui angkatan udara, laut atau darat oleh negara anggota P.B.B.²⁴

Sesuatu pertelingkahan bukan sahaja boleh dibawa oleh pihak-pihak dalam pertelingkahan kepada Majlis Keselamatan tetapi Majlis Keselamatan itu sendiri boleh menyelidik (*investigate*) biarpun mana-mana pihak tidak membawa pertelingkahan ke hadapannya²⁵. Artikel 34 Piagam

²² Satu contoh permintaan supaya pihak-pihak dalam pertelingkahan membuat penyelesaian secara rundingan ialah permintaan P.B.B. supaya India dan Pakistan mengadakan rundingan atas soal Kashmir pada tahun 1952. Rundingan pihak-pihak yang bertelingkah yang diselidikan oleh Setiausaha Agong atau Presiden kepada Perhimpunan Agong atau Majlis Keselamatan telah dibuat dalam masalah Blockade Berlin (1949), campur tangan China di Korea (1950), Kashmir (1950, 1957) dan memiliknegarakan terusan Suez (1956)

²³ Artikel 41, Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu

²⁴ Artikel 42, Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu

²⁵ Selain daripada ini mana-mana negeri boleh juga membawa kepada Majlis Keselamatan samada ianya negeri anggota atau bukan. Artikel 35 Piagam memperuntukkan :

1. Mana-mana anggota P.B.B. boleh membawa mana-mana pertelingkahan atau mana-mana keadaan seperti yang disebutkan dalam Artikel 34, untuk pengetahuan Majlis Keselamatan atau Perhimpunan Agong
2. Sesebuah negeri yang bukan anggota P.B.B. boleh membawa untuk pengetahuan Majlis Keselamatan atau Perhimpunan Agong mana-mana pertelingkahan di mana dia menjadi pihak sekiranya ia menerima dalam pendahuluan, untuk maksud pertelingkahan, peraturan-peraturan penyelesaian secara damai yang diperuntukkan di dalam Piagam ini. Artikel-Artikel 99 dan II(3) pula membolehkan Setiausaha Agong dan

menyebutkan : “Majlis Keselamatan boleh menyelidik mana-mana pertelingkahan, atau mana-mana keadaan yang mungkin membawa kepada pergeseran antarabangsa atau mengakibatkan suatu pertelingkahan, dengan maksud untuk menentukan samada pertelingkahan dan keadaan akan membahayakan pengekalan perdamaian dan keselamatan antarabangsa”. Jika penyelidikan yang dibuat itu menunjukkan bahawa pertelingkahan tersebut boleh membahayakan perdamaian dan keselamatan antarabangsa maka Majlis Keselamatan akan meminta pihak-pihak yang bertelingkah supaya menyelesaikan pertelingkahan mereka melalui cara-cara penyelesaian yang ditentukan dalam Artikel 33 seperti yang disebutkan di atas. Dalam keadaan seperti ini selain daripada Majlis Keselamatan boleh menggunakan Artikel 33. Ia juga boleh menggunakan Artikel 36 yang menetapkan :

1. Majlis Keselamatan boleh, pada mana-mana tingkat pertelingkahan atau keadaan merujuk kepada Artikel 33 atau mencadangkan acara-acara yang patut atau kaedah-kaedah yang sesuai;
2. Majlis Keselamatan perlu mempertimbangkan mana-mana acara yang telah dibentangkan oleh pihak-pihak untuk menyelesaikan pertelingkahan;
3. Dalam membuat cadangan di bawah Artikel ini, Majlis Keselamatan perlu juga mempertimbangkan bahawa pertelingkahan undang-undang patut sebagai peraturan umum dirujuk oleh pihak-pihak kepada Mahkamah Antarabangsa²⁶ menurut peruntukan-peruntukan Statute Mahkamah.

Sebagai contoh kepada tugas penyelidikan yang pernah dijalankan oleh P.B.B. ialah membentuk beberapa suruhanjaya menyelidik pertelingkahan dalam masalah Apartheid di Afrika Selatan (1962) pembanguna senjata nuklear oleh Iran (2012).

5. Penyelesaian di bawah Pertubuhan Serantau

Ada kalanya P.B.B. membiarkan pertelingkahan diselesaikan oleh Pertubuhan Serantau (regional organization) sepertimana yang diperuntukkan oleh bab VIII Piagam. Penyelesaian cara ini berlaku dalam pertelingkahan-pertelingkahan Kemboja (1989), Iraq-Kuwait (1991). Secara umumnya pengaruh Pertubuhan Serantau adalah melebihi daripada pengaruh P.B.B. ke atas sesuatu negara, memandangkan kepada keadaan seperti ini maka Pertubuhan Serantau adalah berkemampuan menjadi pendamai yang berkesan.

B. Penyelesaian yang dipaksakan

Cara-cara penyelesaian secara paksaan termasuklah tindakan pembalasan, blockade secara damai, tindakan balas dendam, campur tangan tentera dan juga melakukan perang. Cara

Perhimpunan Agong membawa mana-mana pertelingkahan atau keadaan yang boleh membahayakan perdamaian dan keselamatan antarabangsa ke pengetahuan Majlis Keselamatan

²⁶ Salah satu contoh cadangan ini ialah kes Corfu Channel (1947) yang telah dirujuk kepada Mahkamah Antarabangsa, tetapi untuk memberi kesan kepada cadangan seperti ini adalah memerlukan persetujuan pihak-pihak yang bertelingkah

penyelesaian seperti ini sebenarnya dapat juga disebutkan sebagai jenis-jenis pertelingkahan antarabangsa kerana tindakan-tindakan itu sendiri adalah menimbulkan pertelingkahan

Pada asasnya sesebuah negara tidak boleh melakukan campur tangan ke atas negara lain samada dalam urusan dalam negeri atau urusan luar negeri negara tersebut²⁷, sebab campur tangan sedemikian adalah mengganggu bidang kuasa negara itu serta mencabuli kedaulatannya. Tetapi beberapa jenis campur tangan telah dikecualikan seperti campur tangan secara kolektif oleh negara-negara sesuai dengan bab VII Piagam P.B.B., campur tangan untuk melindungi hak-hak, kepentingan dan keamanan peribadi warganegara-warganegara di luar negeri, campur tangan untuk pembelaan diri (self-defence) kerana adanya ancaman serangan bersenjata dan campur tangan dalam urusan protektorat yang berada di bawah kekuasaan negara itu²⁸.

Maksud campur tangan sebagai cara penyelesaian pertelingkahan ialah negara ketiga melakukan campurtangan secara diktatorial (*dictatorial interference*) dengan tujuan menyelesaikan pertelingkahan antara pihak-pihak yang bertelingkah mengikut cara yang dikehendaki oleh negara yang melakukan campurtangan dan negara ketiga itu bukanlah memihak kepada mana-mana pihak dalam pertelingkahan itu. Adanya campurtangan seperti ini akan membantutkan peperangan yang akan berlaku atau yang telah berlaku di antara pihak-pihak yang bersengketa. Negara ketiga itu secara paksa meminta pihak-pihak yang bertelingkah menyelesaikan pertelingkahan melalui penimbangtaraan atau memaksa menerima syarat-syarat tertentu atau lainnya. Campurtangan ini boleh dilakukan oleh negara-negara secara persendirian ataupun secara tindakan kolektif. Kebolehan melakukan tindakan secara kolektif dapat diperhatiakan dalam Artikel 16(2) Covenant of the League of Nation yang menetapkan :

“Hendaklah menjadi tugas Majlis itu dalam perkara demikian mengesyorkan kepada masing-masing kerajaan yang berkenaan, apakah tentera darat, laut atau udara yang berkesan yang ahli-ahli Liga masing-masing hendaklah sumbangkan kepada angkatan-angkatan tentera yang digunakan bagi memelihara terma-terma Liga”.

Piagam P.B.B. juga memberi kebenaran demikian seperti mana yang ditetapkan dalam Artikel 42.

“Should the Security Council consider that measures provided for in Article 41 would be inadequate or have proved to be inadequate, it may take such action by air, sea, or land forces as may be necessary to maintain or restore international peace and security. Such action may include demonstrations, blockade, and other operations by air, sea, or land forces of Members of the United Nations”.

Di dalam cara menyelesaikan pertelingkahan antara negara ini baik undang-undang antarabangsa barat ataupun undang-undang Islam adalah sama-sama bersetuju bahawa cara penyelesaian secara damai hendaklah diutamakan. Jika cara damai ini tidak berjaya maka cara kekerasan patut dilakukan. Tetapi **undang-undang antarabangsa barat kurang tegas** dalam melaksanakan cara yang kedua itu tidak seperti undang-undang Islam yang dengan tegas menyatakan pertelingkahan harus diselesaikan secara damai dan jika tidak berjaya oleh sebab

²⁷ Lihat Artikel 8, Convention on The Rights and Duties of State, yang ditandatangani di Montevideo, 26 Disember 1933

²⁸ Starke, op. cit., hal. 52

keengganan sesuatu pihak maka pihak itu hendaklah diperangi sehingga ia kembali menerima perdamaian. Prinsip ini terdapat di dalam ayat 9 Surah al-Hujurat :

“Dan jika ada dua golongan dari orang-orang Mukmin berperang maka damaikanlah antara keduanya. Jika salah satu dari kedua golongan itu berbuat aniaya terhadap golongan yang lain maka perangilah golongan yang berbuat aniaya itu sampai golongan itu kembali kepada perintah Allah. Jika golongan itu telah kembali (kepada perintah Allah), maka damaikanlah antara keduanya dengan adil, dan berlaku adillah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berlaku adil”.

Sungguhpun ayat ini menerangkan cara penyelesaian pertelingkahan antara orang-orang Islam (negara Islam), tetapi prinsip ini dapat dijadikan sebagai prinsip umum yang boleh juga dikenakan ke atas pertelingkahan antara negara. Jadi langkah penyelesaian seperti yang dianjurkan oleh ayat ini patut dipertimbangkan dan diikuti. Dengan kata lain, langkah pemaksaan biarpun terpaksa berperang hendaklah dilakukan ke atas negara-negara yang enggan menyelesaikan pertelingkahan secara damai.

Pengalaman Malaysia

Malaysia, sama seperti negara-negara lain di dunia tidak terlepas menghadapi konflik dan persengketaan terutama dengan negara-negara jiran. Sesuai dengan apa yang dianjurkan oleh Syariah, serta peruntukan di dalam kedua-dua *Pacific Settlement of International Disputes Hague* 1899 dan 1907 serta Artikel 33 Piagam Bangsa-bangsa Bersatu, Malaysia mengambil pendekatan penyelesaian antarabangsanya melalui jalan perdamaian dan persahabatan. Antara persengketaan yang dihadapi Malaysia ialah;

- i) Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara 1962. Kerajaan Filipina di bawah kepimpinan Macapagal mempersoalkan kesahihan hak milik British ke atas Borneo Utara. Beliau membawa isu ini ke PBB pada Oktober dan November 1962 dan kemudiannya di Sidang Kemuncak Manila pada Julai 1963. Filipina dan Indonesia bersetuju mengiktiraf pembentukan Malaysia sekiranya itu kehendak majoriti rakyat Sabah dan Sarawak. Oleh itu Suruhanjaya Cobbold di bawah pengawasan PBB ditubuhkan bagi tujuan pungutan suara serta diawasi oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 26 Ogos 1963. Walau bagaimanapun tindakan Tunku Abul Rahman mengishtihar Pembentukan Malaysia, telah mencetuskan kontroversi serta mengundang kemarahan Macapagal dan Sukarno walaupun terbukti kemudiannya lebih 2/3 penduduk Sabah dan Sarawak bersetuju untuk menyertai Malaysia.
- ii) Konfrontasi Indonesia Malaysia 1963 ekoran cadangan penubuhan Malaysia yang mengabungkan Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Indonesia menganggap penubuhan Malaysia sebagai helah kuasa barat mengukuhkan kuasa imperialism di Asia Tenggara serta menggugat kemerdekaan Indonesia. Justeru, Penubuhan Malaysia dibantah dan konfrontasi dilancarkan. Beberapa rundingan rundingan telah diatur termasuklah yang diusahakan oleh Amerika Syarikat melalui Peguam Negaranya Robert Kennedy. Antara siri rundingan yang penting ialah yang diadakan di Bangkok pada Februari 1964, di Tokyo pada 21 Jun 1964 serta Rundingan Bangkok pada 1 Jun 1966 semasa pemerintahan Presiden

Soeharto. Persengketaan ini berakhir dengan Perjanjian Damai antara Malaysia dan Indonesia pada 11 Ogos 1966 di Bangkok.

- iii) Isu hak pemilikan ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan menjadi kontroversi pada tahun 1969 apabila Indonesia membantah cadangan wilayah pelantar laut Malaysia yang memasukkan kedua-dua pulau tersebut. Pertemuan antara Presiden Soeharto dan Perdana Menteri Dato' Hussein Onn pada 26 Mac 1980 di Kuantan, Pahang, memutuskan untuk menyelesaikan sengketa ini melalui rundingan namun gagal. Rundingan melalui ASEAN juga gagal. Pada 2 Nov 1998, kedua-dua negara bersetuju untuk membawa isu ini kepada mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Pada 3 Jun 2002 Malaysia dan Indonesia mengemukakan hujah masing-masing. Keputusan yang dikeluarkan pada 17 Disember 2002 memberi hak kedaulatan terhadap kedua-dua pulau tersebut kepada Malaysia.
- iv) Tuntutan bertindih ke atas perairan Ambalat di Laut Sulawesi 2005 yang dikenali sebagai Blok ND6 dan ND7 (di Indonesia dikenali Blok Ambalat dan East Ambalat). Penyelesaian sengketa ini masih diteruskan melalui rundingan antara kedua negara. Tiada tanda-tanda ia akan di bawa kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Tuntutan bertindih Pulau Batu Putih (1980-2008) ekoran bantahan Singapura selepas Malaysia mengeluarkan peta terbarunya pada tahun 1979. Selepas beberapa siri rundingan gagal, kedua-dua negara bersetuju isu ini dibawa kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ). Pada 23 Mei 2008, ICJ memutuskan Pulau Batu Putih milik Singapura, manakala Malaysia memiliki Terumbu Karang Selatan (South Ledge).

Penutup

Penyelesaian persengketaan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara jirannya melalui rundingan adalah jelas bertepatan dengan prinsip yang dianjurkan oleh Syariah. Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, bahawa prinsip-prinsip penyelesaian antarabangsa secara persahabatan dan perdamaian sebagaimana yang terkandung dalam *Pacific Settlement of International Disputes Hague 1* (1899) dan (1907) serta Artikel 33 Piagam Bangsa-bangsa Bersatu sudah dipraktikkan Rasulullah serta didokong oleh ayat-ayat suci al-Quran. Kedua-dua sumber ini merupakan *adillat qat'iyat* yang tiada keraguan kepada kebenarannya. Manakala sumber-sumber lain dalam undang-undang antarabangsa Barat yang merangkumi adat kelaziman (international customs), perjanjian (treaty), keputusan kehakiman (judicial decisions), pendapat pakar Undang-undang antarabangsa (Juristic opinions) dan prinsip-prinsip am (General Principles) memang sudah terkandung, bukan sahaja dalam al-Quran dan al-Sunnah, malah disokong dengan pelbagai perbahasan dalam kitab-kitab fiqah di bawah tajuk *siyar, aman, hudnah, dhimmah, jihad* dan sebagainya. Seorang tokoh yang terkenal membicarakan secara khusus undang-undang antarabangsa Islam ini ialah Muhammad Hassan al-Shaybani yang hidup antara 749-805M. Murid kepada Imam Abu Hanifah ini merupakan pelopor dan digelar Bapa Undang-undang Antarabangsa Islam. Sedangkan Hugo Grotius yang digelar Bapa Undang-undang Antarabangsa Barat hidup 840 tahun selepas al-Shaybani iaitu antara 1583-1645. Tulisan al-Shaybani mengenai undang-undang antarabangsa ini menjadi rujukan seluruh dunia,

bukan sahaja dalam kalangan orang Islam malah Sarjana Barat. Antara hasil karya beliau yang mashur ialah *al-Mabsut*, *al-Jami al-Kabir*, *al-Jami al-Saghir*, *al-Siyar al-Kabir*, *al-Siyar al-Saghir*, and *al-Ziyadat*. Justeru adalah tidak mustahil prinsip-prinsip yang diamal serta diperjuangkan oleh Islam mempunyai pengaruh yang besar ke dalam prinsip-prinsip yang diamalkan dalam Undang-undang Antarabangsa Barat pada hari ini.